

Tujuan mereka mendapat undi saja: PM Harakah tidak jejaskan BN

BH 14 JUL 1986

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa penubuhan Harakah Keadilan Rakyat (Hak) anjuran Pas tidak akan menjejaskan prestasi atau kekuatan Barisan Nasional.

Menurut Perdana Menteri, anggota-anggota barisan pembangkang itu juga tidak akan berpeluang memenangi pilihanraya umum akan datang dan

KUALA LUMPUR, Ahad

membentuk kerajaan baru. "Penubuhan Hak bukannya secara jujur kerana tujuan utama mereka untuk mendapat undi sahaja," katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek perumahan kos rendah Negeri Selangor di bawah program khas di Dusun Nanding, Ulu Langat, 20 kilometer dari sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, parti-parti yang menganggotai Hak hanya mahu menipu parti masing-masing untuk mendapatkan undi dalam pilihanraya umum akan datang.

"Kalau Pas boleh adakan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam baguslah. Kerana sekarang ini Pas sudah mengaku mereka mesti bekerjasama dengan orang bukan Islam," tegasnya.

Menurutnya, dulu pemimpin-pemimpin Pas kata Umno kafir kerana bekerjasama dengan orang bukan Islam, tetapi sekarang Pas pula mengadakan pakatan dan kerjasama dengan orang bukan Islam melalui Hak.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Barisan Nasional sudah mengadakan kerjasama dengan orang bukan Islam sejak awal-awal lagi dan tidak menunggu pilihanraya.

"Saya ingin melihat pemimpin-pemimpin Pas balik ke Kelantan dan beritahu ahli-ahli mereka mengenai perjanjian Pas dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam seperti pemimpin-pemimpin Majlis Perunding Cina (CCC) dan Parti Sepakat Demokratik (SDP).

Perdana Menteri mencahar pemimpin-pemimpin Pas supaya naik ke pentas di Kelantan dan berucap kepada ahli-ahli mereka mengenai Harakah Keadilan Rakyat dan negara Islam yang hendak dibentuk oleh Pas.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, walaupun akhbar-akhbar menyiarkan secara meluas berita mengenai kerjasama Pas dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam, ahli-ahli parti itu mendakwa laporan itu bohong.

Katanya, pemimpin-pemimpin Pas juga mendakwa laporan mengenai kerjasama dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam adalah tidak benar kerana Pas hanya bekerjasama dengan parti dan pemimpin Islam.

Perdana Menteri juga mendedahkan taktik Pas membangkitkan kemarahan orang Melayu terhadap orang Cina di Kelantan untuk mendapatkan sokongan mereka dan di Pantar Barat Semenanjung mereka kurangkan semangat anti-Melayu untuk mendapatkan undi orang Cina.

Mengenai pilihanraya umum, beliau menjelaskan, memang suasananya sekarang sesuai untuk diadakan pilihanraya bila-bila masa saja.

Katanya, Biro Politik Umno juga akan mengadakan mesyuaratnya apabila masanya dekat untuk mengadakan pilihanraya.